

09 APR 1996

Mahathir-Perwaja

TINDAKAN SEDANG DIAMBIL UNTUK SELAMATKAN PERWAJA

KUALA LUMPUR, 9 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memberi jaminan bahawa kerajaan sedang mengambil segala tindakan yang perlu untuk menyelesaikan masalah Perwaja, termasuk bertindak terhadap sesiapaupun jika terbukti berlaku penyelewengan sehingga menyebabkan syarikat itu mengalami kerugian sebanyak RM2,500 juta.

Bagaimanapun, Perdana Menteri mengingatkan bahawa Perwaja, yang penubuhannya membabitkan pinjaman Yen Jepun, sememangnya sudahpun mengalami kerugian sejak awal lagi berikutan kenaikan nilai matawang itu yang turut menjejaskan kewangan syarikat akibat pembayaran balik yang terlalu tinggi.

"Jadi dia mengalami kerugian dan kerugian itu ditambah oleh masalah ketidakcekapan pengurusan Perwaja, sekali lagi rugi. Lepas itu kita angkat orang lain jadi Pengarah Urusan. Dia berjaya sedikit sebanyak untuk membetulkan keadaan tetapi masih terus rugi dan ada pula tuduhan-tuduhan bahawa dia menyeleweng," katanya kepada pemberita di Bangunan Parlimen, di sini.

Semalam, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, ketika menggulung perbahasan di Dewan Rakyat, berkata laporan awal siasatan terhadap Perwaja menunjukkan terdapat penyelewengan pengurusan sehingga menyebabkan syarikat itu mengalami kerugian.

Dr Mahathir, ketika diminta mengulas laporan itu, berkata kerajaan sedang mendapatkan semua maklumat mengenai kedudukan kewangan Perwaja sebelum mengambil tindakan lanjut.

"Tetapi untuk berkata mesti ada penyelewengan walaupun tak ada bukti, itu kita tidak boleh buat," katanya.

Perdana Menteri berkata adalah tidak wajar bagi mana-mana pihak untuk menuduh bekas Pengarah Urusan Perwaja Tan Sri Eric Chia melakukan penyelewengan sehingga menyebabkan syarikat itu rugi selagi bukti yang kukuh belum diperolehi.

"Kita mesti membuat siasatan dan sekiranya kita mendapati ada kes, kita akan bertindak," katanya.

Bagaimanapun, beliau kecewa kerana awal-awal lagi sudah ada pihak yang menggunakan kebebasan di Dewan Rakyat untuk menuduh kononnya kerajaan ingin menutup masalah itu dan kononnya terdapat percubaan untuk melindungi Eric Chia.

"Kitapun bertanggungjawab juga. Kita hendak selesaikan masalah Perwaja ini, hutang-hutangnya dan segala kerugian. Segala penyelewengan semua ini akan disiasat dan kita akan mengambil tindakan terhadap sesiapaupun jika ada penyelewengan," katanya.

Ketika mengulas lanjut mengenai prestasi syarikat itu sejak penubuhannya, Dr Mahathir berkata selain kerugian akibat pinjaman Yen Jepun, Perwaja seperti syarikat-syarikat besi waja lain di dunia memerlukan pelaburan yang amat tinggi tetapi pulangnya cukup lambat.

Katanya Jepun sendiri mengakui betapa mereka terpaksa menunggu sehingga 15 tahun untuk merasakan keuntungan daripada pelaburan dalam industri besi waja.

Dr Mahathir berkata, walaupun kerajaan sedar risiko yang perlu dihadapi amat tinggi jika menceburi industri itu, ia tidak dapat mengelakkan diri daripada terus melabur berikutan penggunaan besi waja yang amat tinggi di negara ini, kira-kira lima juta tan setahun.

"Kalau kita tak keluar sendiri kita terpaksa beli. Kalau beli akan berlaku pengaliran duit kita ke luar negara dan ini pun akan ditegur juga

oleh semua pihak," katanya.

Ketika ditanya sama ada kerajaan akan menjual Perwaja jika tindakan menyelamatkan syarikat itu terus gagal, Perdana Menteri berkata, cadangan berkenaan perlu diteliti kerana amat jarang sekali sektor swasta mahu melabur dalam industri itu, terutama di negara-negara sedang membangun seperti Malaysia.

Katanya, Jepun yang merupakan sebuah negara maju sendiripun terpaksa memberi bantuan awal secukupnya kepada syarikat swasta yang menceburi industri itu.

"Industri besi waja ini di mana juga diusahakan oleh kerajaan pada masa permulaan dan hampir semuanya rugi," katanya.

Beliau berkata kerajaan telah tersilap kerana melabur dalam industri itu tetapi ia terpaksa dibuat bagi melengkapkan pertumbuhan industri lain di Malaysia.

"Kita sedang kaji apa yang perlu dibuat. Kalau boleh kita pulih semula kita pulih semula, kalau boleh jual kita jual. Ini perlu dibuat dengan teliti, kita tak boleh terlalu gopoh," katanya. -- BERNAMA

AH AKD